

Headline	UniKL dedikasi gelaran Piala TNB buat Tengku Abdullah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	284 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,196		



UniKL dedikasi gelaran Piala TNB buat Tengku Abdullah



PARA pemain UniKL meraikan kejayaan bergelar juara Piala TNB selepas menewaskan KLHC di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur malam kelmarin.

PRESIDEN Kelab Hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Datuk Amir Azhar Ibrahim mendedikasikan kejayaan bergelar juara Piala TNB musim ini kepada Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Kejayaan menewaskan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dalam aksi final Piala TNB di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin merupakan trofi pertama dimenangi pasukan itu sejak ditubuhkan pada 2009.

Ia secara tidak langsung mengubati kekecewaan pasukan kendalian Arul Selvaraj itu yang sebelum ini akur terlepas peluang bergelar juara Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) 2018 dengan menamatkan saingan di tempat keempat.

"Saya sangat gembira buat semua pemain dan UniKL malah saya percaya kejayaan ini membuktikan kami mampu melakukan lebih baik lagi terutama bila stadium kami siap tahun depan.

"Semua orang tahu kami kehilangan ramai pemain ekoran mereka menyertai pasukan-pasukan lain sejak kebelakangan ini. Pemain-pemain yang terus setia sejak dulu hingga sekarang bersama UniKL berhak menikmati kejayaan ini.

"Tidak lupa juga kepada individu yang mengilhamkan kelab hoki UniKL iaitu Pemangku Raja Pahang (Tengku Abdullah). Kejayaan ini didedikasikan buat baginda," kata Amir kepada *Kosmo!* selepas majlis penyampaian hadiah di Stadium Hoki Nasional kelmarin.

UniKL sebelum ini pernah mendapat jolokan sebagai 'kilang' buat skuad kebangsaan kerana sentiasa melahirkan pemain-pemain muda berbakat besar hingga berjaya mewakili Malaysia pada Piala Dunia dan Piala Dunia Remaja.

Kejayaan menjujrag Piala TNB membuktikan UniKL masih relevan untuk bersaing dengan gergasi-gergasi hoki tanah air seperti KLHC dan Pasukan Hoki Terengganu (THT) untuk musim-musim seterusnya.

Malah, Amir memberi jaminan bahawa UniKL sedang dalam proses 'pembinaan semula' pasukan untuk kembali mencapai objektif asal iaitu mengeluarkan lebih ramai pemain berbakat besar buat pasukan kebangsaan.